



ROHAIZAD menunjukkan lokasi guni mengandungi dadah yang ditemui selepas memeriksa sebuah kereta dan menahan dua lelaki di susur keluar Tol Sungai Petani Selatan, Kedah.

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Cubaan dua lelaki membuat penghantaran bunga ganja bernilai lebih RM5.1 juta ke selatan tanah air tumpas dalam serbuan di susur keluar Plaza Tol Sungai Petani Selatan, Kedah pada 29 Jun lalu.

Serbuan dilakukan kira-kira jam 11.15 malam oleh sepasukan anggota Cawangan Narkotik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan hasil maklumat dan risikan.

Pengarah JKDM Pulau Pinang Rohaizad Ali berkata, pihaknya memperoleh maklumat bahawa terdapat sebuah kereta membawa masuk sejumlah dadah dari negara jiran

Rampas bunga ganja **RM5.1j**

Temui tiga guni berisi 49 ketulan mampat dadah seberat 52kg dalam kereta dinaiki 2 lelaki

dalam perjalanan ke kawasan selatan tanah air.

Katanya, kereta itu dikesan berada di Jitra, Kedah sebelum sepasukan anggota mengekori kenderaan itu.

"Mereka (suspek) yang menyedari kehadiran pasukan kami terus menghala ke susur keluar tol (Sungai Petani Selatan) sebelum ditahan oleh pasukan (kastam) lain yang menunggu di situ.

"Hasil pemeriksaan ke

atas kenderaan itu menemui tiga guni berisi 49 ketulan mampat disyaki bunga ganja seberat 52.047 kilogram (kg) di mana dua guni berada di but kereta dan satu di tempat duduk penumpang belakang.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek warga tempatan yang juga penganggur berusia 30-an itu menggunakan kenderaan yang disewa untuk menghantar dadah berke-

naan," katanya pada sidang media di Kompleks Pencegahan Kastam Negeri.

Menurutnya, siasatan mendapati mereka menggunakan modus operandi dengan menyembunyikan dadah berbahaya di dalam kenderaan biasa bagi mengelakkan dicurigai pihak berkuasa.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.